

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 JUN 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	BiotechCorp sasar Tarik pelaburan RM4 bilion	Berita Harian
2	BiotechCorp sasar pelaburan RM4 bilion tahun ini	Kosmo
3	BiotechCorp sasar pelaburan RM4 bilion tahun ini	Bernama.com

BiotechCorp sasar tarik pelaburan RM4 billion

» Syarikat giat anjur misi dagang sepanjang tahun ini

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@bh.com.my

Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) menyasarkan untuk menarik pelaburan bernilai RM4 bilion menerusi penganjuran beberapa misi perdagangan dan pelaburan yang diadakan sepanjang tahun ini.

Ia termasuk misi perdagangan dan promosi pelaburan BiotechCorp ke Itali dan Amerika Syarikat antara 9 Jun dan 18 Jun ini yang dijangka me-

raih peluang pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata program atau misi yang diadakan bertujuan menarik lebih banyak peluang pelaburan, tetapi ia mengambil masa kerana setiap rancangan pelaburan memerlukan masa sebelum ia dimuktamadkan.

"Kami sudah berbincang dengan beberapa pelabur dalam tempoh dua atau tiga tahun lalu, tetapi sehingga kini masih belum membuat keputusan mengenai pelaburan mereka.

Harap muktamad peluang
"Kami berharap untuk memuktamadkan beberapa peluang pelaburan ini sepanjang misi berkenaan. Kami mahu menarik sekurang-kurangnya RM20 bilion menerusi pelaburan berpotensi dalam tempoh lima tahun akan datang," ka-

tanya pada sidang media sempena program misi perdagangan BiotechCorp ke Ekspos Milano 2015 yang diadakan di Milan, Itali pada 9 Jun dan 18 Jun ini di Kuala Lumpur, semalam.

Sidang media sama turut mengumumkan pembukaan pejabat pertamanya, BiotechCorp International Inc di San Francisco pada 12 Jun, diikuti penyertaan kali ke-11 ke Konvensyen Antarabangsa BIO di Philadelphia pada 16 Jun.

Mengulas mengenai misi perdagangan itu, Mohd Nazlee berkata, ia bermula dengan program *Malaysia Bioeconomy Partnering Day* bagi menjalin hubungan kerjasama lebih erat menerusi perniagaan berdasarkan bio antara Malaysia dan Itali.

Katanya, menerusi ekspos berkenaan, BiotechCorp turut melancarkan produk BioShoppe.

"Misi BiotechCorp ke Milan dijangka meningkatkan keupayaan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur dalam perniagaan berdasarkan bio, selain mewujudkan kerjasama antarabangsa lebih kukuh antara Malaysia dengan negara di Eropah dalam bidang biokonomi," katanya.

Beliau berkata, misi berkenaan diharap dapat membentuk kerjasama baharu dengan rakan niaga di Eropah untuk membentuk strategi lebih berkesan dan penyelesaian inovatif bagi pertumbuhan ekonomi mapan di peringkat global.

BiotechCorp juga akan melancarkan 16 produk baharu di bawah BioShoppe, mempromosikan kedai runcit kesihatan dan menjual produk berdasarkan alam semula jadi yang dihasilkan syarikat berstatus BioNexus sepanjang penganjuran ekspos itu.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51
TARIKH: 2 JUN 2015 (SELASA)**

BiotechCorp sasar pelaburan RM4 bilion tahun ini

KUALA LUMPUR – Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp) menjangkakan untuk menarik pelaburan bernilai RM4 bilion tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, misi promosi perdagangan dan

pelaburan BiotechCorp di Itali dan Amerika Syarikat dari 9 hingga 18 Jun ini dijangka meraih sekurang-kurangnya RM1 bilion pelaburan berpotensi.

“Kami telah berbincang dengan sebahagian daripada pelabur dalam tempoh dua atau tiga tahun lalu

yang masih belum membuat keputusan untuk melabur.

“Kami harap dapat memuktamadkan sebahagian daripada pelaburan ini (semasa misi),” katanya kepada pemberita selepas mengumumkan misi berkenaan di sini semalam.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 2 JUN 2015 (SELASA)



BiotechCorp Sasar Pelaburan RM4 Bilion Tahun Ini

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- [Malaysian Biotechnology Corp \(BiotechCorp\)](#) menjangka dapat menarik pelaburan bernilai RM4 bilion tahun ini, kata [Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal](#).

Beliau berkata misi promosi perdagangan dan pelaburan BiotechCorp di Itali dan Amerika Syarikat dari 9 hingga 18 Jun ini dijangka meraih sekurang-kurangnya RM1 bilion pelaburan berpotensi.

"Kami telah berbincang dengan sebahagian daripada pelabur dalam tempoh dua atau tiga tahun lalu yang masih belum membuat keputusan untuk melabur.

"Kami harap dapat memuktamadkan sebahagian daripada pelaburan ini (semasa misi) dan kami mahu menghasilkan sekurang-kurangnya RM20 bilion lagi dari segi pelaburan berpotensi dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan misi berkenaan, di sini Isnin.

Misi ke Itali akan bermula di Milan pada 9 Jun dengan program 'Malaysia Bioeconomy Partnering Day', diikuti pelancaran produk Bioshoppe di Expo Milano 2015.

Antara perkongsian yang akan dibentuk semasa di Itali ialah dengan Assobiotec, persatuan bagi pembangunan bioteknologi Itali yang akan membuka peluang kepada kedua-dua negara berkongsi amalan terbaik dalam produk berdasarkan bio.

Syarikat kemudian akan melancarkan pejabat induk pertamanya, BiotechCorp International Inc, di San Francisco pada 12 Jun sebelum mengambil bahagian untuk kali ke-11 dalam Konvensyen Antarabangsa BIO di Philadelphia pada 16 Jun.

[BiotechCorp, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi merupakan agensi pembangunan peneraju dan penggerak utama industri berdasarkan bio di Malaysia.](#)

-- BERNAMA